

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar hutang dan tanggungan 1MDB sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Hutang dan tanggungan syarikat 1MDB akan dibiayai melalui penjualan aset, pertukaran aset bersama hutang dan pembangunan hartanah melalui proses Pelan Rasionalisasi.

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 7 April 2016 telah mengeluarkan laporan menyeluruh mengenai 1MDB yang bertajuk "Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB)". Laporan ini telah dibentangkan kepada semua ahli Yang Berhormat di Parlimen dan boleh dimuat turun dari laman web PAC. Segala butiran terperinci hutang syarikat 1MDB serta Penyata Aliran Tunai bagi Pelan Rasionalisasi untuk membayar balik hutang boleh didapati di dalam muka surat 80 laporan PAC tersebut.